

No. 2A

WRIT (A. 6 k. 1)

(MAHKAMAH RENDAH)

DALAM MAHKAMAH SESYEN/MAJISTRET DI
Guaman No. tahun 20.....

Antara

..... *Plaintif*

dan

..... *Defendan*

Kepada

Kami perintahkan kamu bahawa dalam empat belas hari selepas penyampaian writ ini kepada kamu, termasuklah hari penyampaian itu, kamu hendaklah menyebabkan suatu kehadiran dimasukkan untuk diri kamu dalam suatu kausa atas guaman dan ambil perhatian, bahawa dalam keingkaran kamu berbuat demikian plaintif boleh meneruskan untuk mendapatkan penghakiman dan pelaksanaan.

DISAKSIKAN oleh Pendaftar Mahkamah di pada haribulan, 20.....

.....
Peguam Plaintif

.....
Pendaftar, Mahkamah

(Meterai)

Memorandum yang hendak Diturunkan pada Writ

Writ ini tidak boleh disampaikan lebih dari enam bulan kalendar selepas tarikh di atas melainkan jika diperbaharui melalui perintah mahkamah.

Defendan (atau defendan-defendan) boleh hadir bersama dengan mencatatkan kehadiran (atau kehadiran-kehadiran) sama ada sendiri atau melalui peguam di Pejabat Pendaftaran Mahkamah.

Seseorang defendan yang hadir sendiri boleh, jika dikehendaknya, memasukkan kehadirannya melalui pos, dan borang-borang yang tertentu bolehlah didapati dengan menghantar kiriman Pos berharga RM..... berserta sampul surat beralamat sendiri kepada Pendaftar, Mahkamah di

Pengendorsan hendaklah dibuat pada writ sebelum pengeluaran

Pengendorsan tuntutan

Tuntutan plaintif adalah untuk (sekiranya tuntutan plaintif hanyalah untuk suatu hutang atau tuntutan jumlah tertentu sahaja, pengendorsan yang berikut mestilah ditambahkan di kaki tuntutan itu:)

Dan RM..... (atau sekian jumlah sebagaimana yang dibenarkan setelah ditetapkan) untuk kos, dan juga, jika plaintif memperoleh perintah untuk penyampaian ganti, jumlah wang selanjutnya sebanyak RM..... (atau sekian jumlah sebagaimana yang dibenarkan setelah ditetapkan). Sekiranya amaun yang dituntut dan kos dibayar kepada plaintif atau peguamnya dalam tempoh 8 hari selepas penyampaian writ ini (termasuklah hari penyampaian), prosiding seterusnya akan ditangguhkan, tetapi sekiranya ternyata daripada pengendorsan pada writ itu bahawa plaintif bermastautin di luar wilayah terjadual, sebagaimana yang ditakrifkan oleh Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, atau bertindak mengikut perintah atau bagi pihak seorang yang bermastautin sedemikian, prosiding akan hanya ditangguhkan sekiranya amaun yang dituntut dan kos dibayar ke dalam mahkamah dalam masa yang tersebut itu dan notis pembayaran tersebut diberikan kepada plaintif atau peguamnya.

(Sekiranya plaintif membawa guaman atau defendan dibawa guaman, atas wakil, hal ini mestilah dinyatakan dalam pengendorsan tuntutan itu).

Pengendorsan tentang peguam dan alamat

Writ ini dikeluarkan oleh beralamat di peguam bagi plaintif tersebut yang alamatnya ialah (atau jika plaintif membawa guaman secara sendiri). Writ ini dikeluarkan oleh plaintif tersebut yang bermastautin di dan dia seorang (nyatakan pekerjaan) dan (sekiranya plaintif tidak bermastautin dalam bidang kuasa itu) alamat untuk penyampaian kepadanya ialah

Pengendorsan tentang penyampaian

Writ ini telah disampaikan oleh dengan cara penyampaian kediri (atau sebagaimana yang berkenaan) (nyatakan cara penyampaian atau mengikut terma-terma suatu perintah untuk penyampaian ganti) kepada defendan (yang saya kenali) (atau telah ditunjukkan kepada saya oleh) (atau yang telah mengaku kepada saya bahawa dia ialah) di (tempat) pada hari pada hari bulan, 20.....

Diendorskan pada hari bulan, 20.....

.....
Penghantar Notis